

Fasiliti Pertahanan Pangkalan Tentera Laut Diraja British di Singapura 1914-1950

British Royal Naval Base Defense Facility in Singapore 1914-1950

Wan Azrul Hakim Wan Mustapa Kama

¹Mohd Shazwan Mokhtar

Program Sejarah
Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
Bangi, Selangor, Malaysia

Correspondence author: ¹msm@ukm.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini akan meneliti pembangunan kemudahan dan infrastruktur pertahanan Pangkalan Tentera Laut British di Singapura antara tahun 1914 hingga 1950. Kemudahan yang dibangunkan oleh Tentera Laut British di pangkalan tentera laut merupakan elemen penting bagi melicinkan pengoperasian pangkalan tentera selain memberi kemudahan kepada masyarakat bandar setempat. Perkembangan teknologi dan infrastruktur yang moden telah mendorong Armada Laut British di Singapura untuk meningkatkan lagi pertahanan di pangkalan tentera laut termasuklah pembinaan pembangunan seperti hospital di kawasan pangkalan tentera laut. Bagaimanapun, perkembangan sains dan teknologi era kolonial masih kurang mendapat perhatian pengkaji sejarah di Malaysia. Kepentingan aspek kajian ini adalah untuk membuktikan keupayaan pertahanan Pangkalan Tentera Laut British dalam memberi akses kemudahan pertahanan seperti limbungan kapal, depoh stesen minyak, stesen udara, dan kelengkapan teknologi persenjataan moden. Kemudahan kesihatan turut dibangunkan untuk anggota dan pegawai Tentera Laut British yang bertugas di pangkalan tersebut. Kebanyakan kajian lepas dalam aspek pertahanan di Singapura adalah lebih tertumpu dalam konteks perkembangan kerja-kerja pertahanan di Singapura berbanding proses pembangunan Pangkalan Tentera Laut Diraja British. Kertas kerja ini adalah bagi meneliti peranan Tentera Laut British dalam membangunkan pelbagai kemudahan di pangkalan mahupun kawasan setempat. Kaedah yang digunakan untuk menjalankan kajian ini ialah kaedah kualitatif dengan menggunakan pendekatan sejarah. Analisis kandungan sumber primer untuk meneliti peranan Tentera Laut British dan proses pembangunan pangkalan tentera laut ialah fail kolonial CO 273 Colonial Office: Straits Settlement Original Correspondence. Sumber akhbar juga digunakan untuk memperolehi maklumat mengenai pembangunan kemudahan kesihatan dan stesen udara Laut British.

Kata Kunci: Sejarah Pertahanan; Imperialisme British; Teknologi Perang; Armada Laut; Negeri-Negeri Selat.

ABSTRACT

This study will examine the development of the facilities and defense infrastructure of the British Naval Base in Singapore between 1914 and 1950. The facilities developed by the British Navy at the naval base are an important element to smooth the operation of the military base in addition

to providing convenience to the local urban community. The development of modern technology and infrastructure has encouraged the British Navy in Singapore to further increase defenses at the naval base, including the construction of developments such as hospitals in the naval base area. However, the development of science and technology in the colonial era still lacks the attention of historians in Malaysia. The importance of this aspect of the study is to prove the defense capability of the British Naval Base in providing access to defense facilities such as shipyards, gas station depots, air stations, and modern weapons technology equipment. Health facilities were also developed for members and officers of the British Navy on duty at the base. Most of the past studies in defense aspects in Singapore are more focused in the context of the development of defense works in Singapore than the development process of the British Royal Naval Base. This paper is to examine the role of the British Navy in developing various facilities at the base or local area. The method used to conduct this study is a qualitative method using a historical approach. Content analysis of the primary source to examine the role of the British Navy and the naval base development process is the colonial file CO 273 Colonial Office: Straits Settlement Original Correspondence. Newspaper sources were also used to obtain information on the development of health facilities and British naval air stations.

Keywords: Defense History; British Imperialism; Technology of War; Sea Fleet; Straits Countries.

1. Pengenalan

Pangkalan Tentera Laut Diraja British di Singapura adalah satu aset pertahanan utama Singapura ketika itu. Fasilitas pertahanan memainkan peranan penting dalam menjamin keselamatan negara dan kawasan sekitarnya. Pembinaan dan pembangunan pangkalan tentera laut melibatkan pelbagai faktor yang kompleks dari keperluan strategik hingga teknologi kemudahan terkini. Pangkalan Tentera Laut Diraja British di Singapura merupakan tunggak utama yang memainkan peranan penting dalam mengukuhkan sistem pertahanan laut selepas Perang Dunia Pertama meletus. Oleh hal yang demikian, pangkalan tentera laut dipertingkatkan lagi dengan pelbagai pembinaan fasilitas pertahanan dan kemudahan yang lebih moden. Pangkalan Tentera Laut di Singapura memiliki dok kering terbesar di dunia yang telah dilancarkan pada 14 Februari 1938 yang lebih dikenali sebagai *King George VI Dock (KG6)*. Pangkalan dan keluasan dok kering tersebut mempunyai 1,000 kaki panjang, 130 kaki lebar dan 35 kaki dalam. Keluasan pangkalan ini telah memuatkan kapal tentera laut terbesar yang telah menempatkan sebuah kapal perang canggih seperti *Dreadnought class battleships*. Pangkalan tentera laut yang mempunyai fasilitas dok kering terbesar terletak di Pangkalan Laut Sembawang, Singapura dan dilengkapi dengan kelengkapan bekalan pertahanan laut dan pembaikan kapal-kapal perang (M. Chew, 1998).

Sebagai sebuah pangkalan tentera laut yang berada di pusat perdagangan ataupun di kawasan bandar utama. Pangkalan tentera laut yang beroperasi memerlukan pelbagai infrastruktur serta meningkatkan lagi kemudahan sedia ada. Hal ini bagi memperkukuhkan lagi sistem pertahanan laut di pangkalan tentera laut dan memberi kemudahan pengoperasian tentera laut (Larry L. Peterson, 1986). Pembinaan pangkalan tentera laut yang moden telah membantu menampung sebuah armada laut yang lengkap termasuklah kemudahan membaiki kapal perang yang besar dan pemasangan bahan api kegunaan kapal perang tentera laut. Keperluan penyediaan infrastruktur dan fasilitas bagi

melihat bagaimana pangkalan tentera laut beroperasi dengan melancarkan serangan dalam sesebuah ancaman keselamatan Singapura. Pangkalan Tentera Laut Singapura turut dilengkapi dengan pelbagai infrastruktur dan fasiliti lain di kawasan pangkalan. Pembinaan seperti dok-dok terapung yang moden, pemasangan bahan api, rumah-rumah pegawai dan anggota tentera laut British yang membantu menyokong kesiapsiagaan Angkatan Laut British di Singapura. Kelengkapan sistem pertahanan dibangunkan telah menunjukkan kelancaran bagi mempertahankan kubu pangkalan laut tersebut.

Kawasan strategik merupakan satu faktor kepada pangkalan tentera laut yang memerlukan pelbagai fasiliti dan kemudahan bukan sahaja bagi keperluan tentera laut malah kepada pembangunan setempat. Peta Singapura telah menunjukkan terletaknya pangkalan tentera laut di kawasan pertemuan laluan perdagangan utama antara lautan Hindi dan laut China. Dalam pada itu, pangkalan ini agak dekat dari lorong perkapalan lain yang telah menjadi kepentingan kepada Armada Laut British sebagai benteng pertahanan. Pulau Singapura menuju ke Changi, Pulau Tekong Besar, Pulau Ubin dan Selat Johor serta pantai Tenggara semenanjung Tanah Melayu telah melindungi pangkalan tentera laut dan telah menunjukkan sebuah pangkalan yang perlu menyediakan keperluan kemudahan yang tinggi bagi memastikan pengoperasian Armada Laut British di Singapura.

Kajian yang bakal dijalankan ini akan memberi tumpuan kepada faktor pembangunan fasiliti pertahanan. Hal ini telah menyebabkan peranan teknologi terkini dalam pembinaan dan perkembangan fasiliti pertahanan Pangkalan Tentera Laut British di Singapura. Antara faktor yang telah dikenal pasti terhadap pembangunan fasiliti di Pangkalan Tentera Laut Singapura termasuklah memberi kemudahan kepada masyarakat setempat. Faktor lain turut merangkumi pengurusan logistik yang efisien bagi menyokong pengoperasian Tentera Laut British di Pangkalan Tentera Laut Singapura. Seterusnya, kajian turut membincangkan keperluan strategik yang telah mempengaruhi pembinaan kemudahan-kemudahan untuk meningkatkan kecekapan dan ketahanan pangkalan tentera laut. Akhir sekali, kajian akan melihat pengaruh kepada faktor-faktor pembangunan dan perkembangan Pangkalan Tentera Laut British Singapura dalam konteks keseluruhan pertahanan Singapura (CO273/545).

2. Tinjauan Literatur

Kajian sejarah mengenai fasiliti pertahanan Pangkalan Tentera Laut Diraja British di Singapura antara tahun 1914 sehingga 1950 boleh dikatakan amat terhad bidang kajiannya. Perbincangan mengenai pelan pembangunan pertahanan dan kerja-kerja pertahanan di Singapura telah dibincangkan oleh pengkaji lepas. Walaubagaimanapun adalah sekitar bersifat tematik dan kajian yang tidak menyeluruh. Dengan memberi pencerahan terhadap tinjauan literatur lepas dihasilkan, pendekatan kaedah tematik akan digunakan sebagaimana mengikut tema perbincangan tersebut.

Melalui tema ini, pengkaji terus berusaha dalam mencari lompang kajian dari setiap kajian telah dihasilkan oleh mana-mana sarjana sebelum ini. Kajian yang dijalankan sebelum ini telah dilihat mengenai wujudnya Pangkalan Tentera Laut di Singapura. Tidak dapat dinafikan kajian-kajian sebelum ini turut banyak menyentuh kepada kajian pertahanan-pertahanan di Tanah Melayu khususnya di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu

(NNMB) ataupun pertahanan Malaya sebelum merdeka. Namun, pertahanan di Singapura yang terus dilihat melalui pertahanan laut merupakan topik kajian yang dijalankan oleh pengkaji bagi mengenalpasti pembangunan meluas di pangkalan laut tersebut.

2.1 Sejarah Pembangunan Pertahanan Pulau Singapura

Nadzan Haron telah menulis kemampuan Britain dalam mempertahankan tanah jajahan dan menghadapi pelbagai cabaran dalam bentuk pertahanan bermula dengan perkembangan teknologi ketenteraan 1850 (Larry L. Peterson, 1986). Selain daripada itu, perbincangan dalam kajian ini terus melihat kepada pasukan Tentera British yang mempunyai kelebihan dalam menyusun bidang pertahanan khususnya Angkatan Laut British. Penulis turut menyatakan dalam kajian ini melalui sistem pertahanan imperial British turut menggunakan pendekatan diplomasi bagi mengembangkan dan mengukuhkan lagi penguasaan pertahanan di Malaya. Oleh hal yang demikian, pengkaji telah membuktikan dalam kajian ini dimana British sebagai sebuah kuasa besar sehingga perang dunia kedua dengan mengemukakan kepada strategi pertahanan kekuatan tentera laut di Timur Jauh Singapura. Kajian turut membuktikan strategi pertahanan di Malaya apabila politik semasa yang tidak menentu berdepan dengan pelbagai ancaman oleh pihak lain seperti China. Ini telah memberi penemuan dalam kajian dengan menyentuh strategi-strategi oleh Britain dalam negeri untuk meluaskan pertahanan yang mereka kuasai dari sudut keselamatan jajahan takluk (Nadzan Haron, 1996).

Tristan Buesst dalam kajiannya *The Naval Base at Singapore* telah menumpukan kajiannya di Singapura mengenai pangkalan yang dibina oleh pihak British. Kajian ini telah membincangkan pembinaan awal pangkalan tentera laut melibatkan kontroversi yang mempengaruhi politik serantau dalam pembinaan pangkalan laut. Perbincangan membina pangkalan laut di Singapura yang dinyatakan oleh penulis telah melihat dengan pelbagai perjanjian serta menjalankan pelbagai kegiatan diplomasi. Penulis turut memberi hasil kajian dalam pembinaan pangkalan tentera laut ini dengan membuktikan secara dasar mengenai kos kasar ketika awal pembinaan pangkalan tentera laut British. (Tristan Buesst, 1932). Dengan ini, lompong terhadap kajian sebelum ini terhadap kajian mengenai pangkalan laut British hanya menekankan kepada kerjasama politik oleh Britain merupakan komponen penting dalam mewujudkan pangkalan di Timur Jauh.

Kajian yang telah dijalankan oleh Hanizah Idris adalah mengenai kajian pembinaan sebuah pelabuhan laut dalam di Singapura ketika berada dibawah pentadbiran British antara tahun 1913 hingga 1929. Kajian ini telah membuktikan pembinaan pelabuhan laut dalam yang mempunyai hubungan rapat dalam aspek pertahanan di Singapura. Hanizah membuktikan hasil kajian dimana pihak British telah membangunkan sebuah pelabuhan laut dalam yang dikendalikan oleh sebuah syarikat *Singapore Harbour Board* dari Tanjong Pagar Dock. Disamping itu, hasil daripada kajian ini telah mempengaruhi pertahanan Singapura di pelabuhan yang dibina kerana berhampiran dengan Pangkalan Tentera Laut British. Dengan ini, pelabuhan-pelabuhan yang wujud di pulau Singapura merupakan satu pengawasan keselamatan dibawah Pangkalan Tentera Laut British di Singapura yang mempunyai hubungan rapat dari aspek pertahanan sesebuah negara (Hanizah Idris, 2020).

Muhammad Aslah membuktikan dalam kajiannya dimana Singapura merupakan pusat pentadbiran dan pembinaan pelabuhan secara meluas oleh British di Asia Tenggara menjelang Perang Dunia Pertama. Kajian ini menumpukan kepada pembinaan pelabuhan utama oleh British di Asia Tenggara yang mula berdepan dengan pelbagai ancaman dan pengaruh luar. Disamping itu, kajian dalam bidang pertahanan ini telah menyentuh analisis keberkesanan usaha yang dilakukan oleh tindakan British menerusi pentadbiran ketenteraan dalam mempertahankan ancaman pengaruh luar. Oleh hal yang demikian, kajian yang dijalankan ini telah memberi pembuktian terhadap tafsiran baharu dalam perincian kelemahan pentadbiran ketenteraan British dan pengaruh luar serta usaha-usaha British menghalangnya. Walaupun kajian ini menjalankan kajian ke atas pertahanan Singapura, namun kajian ini terbatas kepada pentadbiran ketenteraan British dari melindungi pelabuhan-pelabuhan yang wujud ketika itu tanpa menyentuh perincian pembangunan menyeluruh (Muhammad Aslah, 2015).

2.2 Pangkalan Tentera Laut Singapura

Gillan R. Topley telah membuat sebuah kajian yang sangat penting terhadap pertahanan laut di Singapura dalam pembinaan pangkalan laut tentera British. Kajian yang dijalankan oleh Gillan ini adalah mengenai dasar Tentera British pada tahun 1920. Kajian ini telah membincangkan kajian yang menyeluruh mengenai masalah ekonomi, politik dan diplomatik yang telah dihadapi oleh kerajaan. Beliau turut membuktikan dengan merumus standard kekuatan armada selepas Perang Dunia Pertama. Kajian ini penting dalam menghubungkan pertahanan di Singapura dalam pembinaan Pangkalan Tentera Laut British di Singapura. Ini adalah disebabkan kajian yang dihasilkan telah berhubung secara kolektif terhadap keselamatan dan pelucutan senjata di bawah Konvensyen Liga Bangsa-Bangsa kesannya terhadap dasar dari tahun 1924-1930. Kajian telah menyimpulkan bahawa keputusan Dasar Kerajaan Tentera Laut pada tahun 1920 yang mempunyai kaitan langsung terhadap kajian pembinaan pangkalan tentera laut British (Gillan R. Topley, 2000).

Karya *The Rise and Fall of the Singapore Naval Base 1919-1942* oleh David McIntyre telah menumpukan kajiannya terhadap perbincangan kebangkitan dan kejatuhan Pangkalan Tentera Laut Singapura dari tahun 1919 hingga 1942. Ini merupakan satu lagi kajian mengenai pangkalan laut Singapura. Kajian telah membuktikan British tidak pernah menugaskan penyiasatan parlimen mengenai punca bencana dimana pengkaji menyatakan Amerika yang mengadakan siasatan kongres di Pearl Harbour. Namun dalam penghasilan karya telah menyatakan jenis bedah siasat yang berbeza sebelum meletusnya Perang Pasifik. Oleh hal yang demikian, kajian David menetapkan penjelasan “mengapa Singapura menjadi sasaran dan mengapa pangkalan tentera laut yang hebat dibina pada mulanya” dan pengkaji turut mengkaji strategi tentera komanwel British di Timur Suez dari tahun-tahunnya. Walaupun kajian lepas oleh David mengenai kejatuhan Singapura dan pembinaan pangkalan tentera laut British di pulau tersebut (David McIntyre, 1979). Namun kajiannya hanya terbatas kepada kejatuhan aspek pertahanan British dan tidak menyentuh pembangunan pangkalan tentera laut secara meluas dengan kemajuannya.

Main Fleet to Singapore penulisan yang dihasilkan oleh Russel Grenfell telah membincangkan kajiannya ke atas pangkalan tentera laut British di Singapura menjadi

pertempuran utama dalam memerangi Jepun semasa Perang Dunia Kedua. Russel Grenfell memberikan pandangan yang berharga mengenai kajian ini terhadap British di Singapura, Tentera Laut Diraja dan hubungannya dengan Timur Jauh. Kajian ini telah membuktikan Tentera Laut British ini dalam pertempuran dalam Perang Dunia Kedua di Timur Jauh akan sentiasa dikaitkan dengan kehilangan besar kapal perang *The Price of Wales dan Repulse* yang membuka jalan bagi pencerobohan Jepun ke Tanah Melayu itu sendiri. Dengan ini, Grenfell telah merekodkan pertempuran laut penting ini yang memabntu menentukan perjalanan perang. Oleh hal yang demikian, kajian ini dapat membuka kepada tafsiran baharu mengenai pangkalan tentera laut British yang turut menjadi kawasan tumpuan peperangan dan bukan menyentuh kajian terhadap pembinaan pangkalan tentera laut secara meluas dengan segala pembangunan pangkalan (Russel Grenfell, 1987).

3. Metodologi dan Kawasan Kajian

Metodologi utama yang telah digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini adalah dengan menggunakan kaedah kualitatif. Kaedah ini merupakan kaedah utama dalam setiap bidang kajian sejarah. Kaedah kualitatif akan melibatkan proses pengumpulan sumber primer serta sekunder dan diteruskan dengan proses heuristik, tafsiran dan kritikan terhadap sumber-sumber tersebut. Oleh itu, kajian ini akan mengguna pakai sumber primer dan sekunder yang bertepatan dengan bidang kajian. Walaubagaimanapun, kaedah kuantitatif turut akan diguna pakai khususnya bagi mempersembahkan serta analisis data yang diperolehi daripada sumber-sumber primer. Bagi menerangkan secara terperinci penggunaan kaedah sumber adalah dengan pengumpulan data dan analisis data terhadap tajuk kajian.

3.1 Tata Cara Pengumpulan Data

Kajian yang dijalankan lebih bergantung dan keutamaan kepada dokumen serta surat-surat rasmi yang kebanyakannya terdiri daripada sumber primer. Sumber-sumber kolonial khususnya dokumen rasmi seperti fail pejabat kolonial (Colonial Office) C.O. 273 (Straits Settlement: Original Correspondence) yang terdapat dalam koleksi media PTSL, UKM yang berbentuk mikrofilem. Selain itu, sumber dari Arkib Negara Malaysia seperti fail Pesuruhjaya Tinggi British (H.C.O), Setiausaha Tanah Jajahan (Sect. of States), Setiausaha Kerajaan Negeri seperti Sekretariat Selangor (Sel. Sect), Laporan Tahunan NNS (Straits Settlement Annual Report), Fail Pejabat Daerah di NNMB serta Fail Sanitary Board. Tambahan lagi, sumber dari London seperti (Public Record Office C.A.B dan F.O) juga merupakan sumber primer penting dalam kajian ini.

Sumber primer secara digital juga akan digunakan seperti minit mesyuarat dan memorandum parlimen United Kingdom yang boleh diakses di laman web <https://www.nationalarchives.gov.uk/>. Selain itu, sumber akhbar digital berkaitan carian pangkalan tentera laut di NNS yang disediakan oleh Perpustakaan Negara Singapura seperti Straits Echo, Malaya Tribune, Singapore Free Press and Mercantile Adviser dan Straits Time boleh diakses di laman web <https://eresources.nlb.gov.sg/>. Penggunaan akhbar dalam kajian ini juga bertujuan bagi melihat pembinaan dan pembangunan pangkalan tentera laut yang dilaksanakan British di samping meninjau kemudahan kawasan setempat.

Dalam kajian ini, sumber sekunder pula terdiri daripada buku-buku, jurnal dan kertas penyelidikan yang mengenai tajuk kajian dilaksanakan. Penulis mengguna pakai sumber-sumber yang muftabar dengan kaedah kepustakaan terutamanya sumber yang sedia ada di Perpustakaan Tun Sr Lanang (PTSL). Penulisan ilmiah oleh para sarjana dalam bidang sejarah termasuklah artikel, jurnal dan buku telah digunakan sebagai rujukan tambahan dalam penulisan ini. Sumber sokongan daripada sumber sekunder dipilih sebagai bahan sokongan tambahan terhadap pengkajian yang dijalankan. Ini membantu dalam memberi gambaran terhadap kajian pembangunan pangkalan tentera laut British di Singapura dan peristiwa penting yang bersesuaian kajian. Sumber sekunder disokong luas melalui carian artikel adalah seperti di JSTORE <https://www.jstor.org/stable/45329538>.

3.2 Analisis Data

Analisis data bagi kajian ini sangat bergantung kepada sumber-sumber pertama iaitu kebergantungan terhadap analisis kualitatif sumber primer yang dikumpul oleh penulis. Penggunaan sumber primer termasuklah kebanyakan fail-fail rasmi jabatan kolonial di Tanah Melayu iaitu dari Negeri-Negeri Selat di samping sumber dari jabatan lain. Ini bagi menjadikan kajian yang dijalankan adalah lebih objektif dan mendalam. Penggunaan kepelbagaian sumber primer telah menyumbang kepada topik perbincangan yang jelas serta kuat dan menyeluruh. Disamping itu, kaedah kuantitatif turut digunakan sebagai sumber sampingan penafsiran yang wujud dalam sumber primer khususnya melibatkan data serta statistik nombor yang wujud. Data-data yang dikumpul dan diperolehi akan dianalisis dan dipersembahkan dalam bentuk jadual bagi melihat hubungan diantara maklumat yang telah dinyatakan dalam sumber primer. Kaedah yang digunakan ini bertujuan sebagai satu penanda aras dan nilai tambah terhadap kualitatif yang telah digunakan.

3.3 Kawasan Kajian

Kawasan kajian terhadap bidang kajian ini telah meliputi Tanah Melayu, Negeri-Negeri Selat khususnya kawasan Singapura. Kawasan kajian ini merupakan tumpuan terhadap pembangunan pertahanan dan pembinaan Pangkalan Tentera Laut Singapura.

4. Dapatan dan Perbincangan

4.1 Sejarah Pembangunan Pertahanan Pulau Singapura

4.1.1 Pembangunan Pangkalan Tentera Laut di Singapura

Tidak dapat dinafikan pada penghujung abad ke-18, telah memperlihatkan bahawa terdapat gesaan bagi meletakkan Singapura sebagai sebuah pusat armada laut Imperial yang sangat penting di Timur. Dengan pembinaan pangkalan tentera laut yang besar dan moden tersebut telah menjadikan Armada Laut British sebagai pangkalan utama mempunyai pelbagai kemudahan termasuklah membaikpulih kapal-kapal perang British. Disamping itu, sebagai pangkalan utama yang strategik telah memberikan kemudahan perkhidmatan pembekalan arang batu. Buka itu sahaja, kemudahan-kemudahan lain bagi perkapalan bagi melancarkan operasi Armada Laut British di lautan sebelah Timur. Pembinaan pangkalan tentera laut ini merupakan kerja-kerja pertahanan dirangka dan dibangunkan

selari dengan perkembangan struktur dan kepentingan British sebagai pulau pelabuhan di Tanah Melayu. Hal ini bertujuan demi keselamatan, kestabilan dan pertahanan Pulau Singapura itu sendiri (CO273/524).

Dalam pada itu, Pulau Singapura yang telah dipilih sebagai sebuah lokasi yang strategik adalah bagi memperluaskan pengaruh dan dasar perdagangan bebas British di rantau itu dan merupakan satu langkah yang menunjukkan kebijaksanaan Imperial. Umumnya, pegawai-pegawai dalam angkatan laut dan pertahanan Imperial serta para pedagang asing telah mengakui Singapura merupakan kunci kepada laluan perdagangan ke Lautan China, Jawa dan India khususnya aktiviti perdagangan. Di samping itu, peranan Singapura sebagai sebuah kawasan pelabuhan dan pangkalan arang batu telah menunjukkan lagi peningkatan kepentingannya terhadap kuasa besar British. Oleh hal yang demikian, dapat dilihat Singapura telah muncul sebagai salah sebuah dimana rangkaian stesen arang batu Imperial. Kelebihan ini telah memberi kemudahan kepada perhubungan antara negara tersebut dengan beberapa pusat perdagangan di Timut Jauh atau dikenali sebagai *rich trading markets of the Far East* (Singapore Free Press, 1864).

Keselamatan pelabuhan dan aktiviti perdagangan serta kawasan komersial Singapura telah menunjukkan faktor utama kepada British dalam membangunkan pertahanan dengan melaksanakan kerja-kerja pertahanan. Pada abad ke-19, telah memperlihatkan pihak Kolonial British dengan berdasarkan konsep utama pertahanan di pulau tersebut untuk terus melindungi pulau-pulau di Singapura. Pembangunan pertahanan yang lebih efisien ini telah memberi perkembangan kepada perlindungan keselamatan pelabuhan dan dapat mengelakkan aktiviti perdagangan di pelabuhan-pelabuhan Singapura. Justeru itu, pihak Imperial dan kolonial British telah bertindak dalam mengambil langkah untuk meningkatkan kerja-kerja pertahanan dan mewujudkan beberapa jenis pembangunan pertahanan seperti pemasangan meriam dan pengawalan keselamatan oleh stesen udara oleh Tentera Udara British. Pembangunan pertahanan Singapura ini turut melihat kerjasama diantara Tentera Laut British dan Tentera Udara British dalam memastikan keselamatan perairan laut Singapura sentiasa terpelihara (Turnbull, 1989).

Kepentingan seterusnya bagi pembangunan dan pertahanan di Singapura adalah faktor kepada keselamatan bahan api dan petroleum dan perkara ini telah mengambil kira oleh pihak pertahanan dan *Admiralty*. Dengan mempunyai kawasan bekalan dan depot bahan api sebagai penyimpanan minyak di Singapura telah merencanakan lagi kerja-kerja pertahanan di pulau ini. Pembinaan pangkalan tentera laut telah memberi jaminan keselamatan kepada depot-depot bahan api dengan kawalan di bawah tentera laut British. Kawalan keselamatan oleh tentera laut ini bagi memastikan sebarang bentuk ancaman atau serangan terhadap kawasan-kawasan utama yang menjadi kepentingan British seperti kawasan depot. Hal ini bertujuan dalam memastikan kawasan depot dikawal dan diperhatikan oleh tentera laut untuk mengelakkan menjadi sasaran pengeboman dari laut mahupun udara. Tambahan lagi, pertahanan di Singapura turut meletakkan stesen-stesen kecil bagi kawalan tentera laut dan pemasangan meriam kaliber kecil di setiap depot (CO273/524).

Pelan dan skim pertahanan telah melihat kepada pemasangan meriam-meriam dari pelbagai sudut di kawasan yang mempunyai risiko tinggi diancam oleh musuh. Meriam

yang diletakkan dikawasan tertumpu dan dipasangkan di kedudukan yang lebih efisien bagi menawarkan perlindungan secara menyeluruh di pulau-pulau yang terdapat dalam Singapura. Kerja-kerja pertahanan darat dan penempatan pemasangan senjata di kawasan yang strategik mula disusun oleh Jawatankuasa Pertahanan Imperial. Sistem pertahanan ini telah dipergiatkan dan lebih menekankan kepada serangan dari laut. Ini telah menunjukkan bahawa pihak pertahanan kolonial British di Singapura yakin bahawa serangan yang mungkin berlaku adalah melalui serangan dari bahagian laut. Kemungkinan itu telah melihat kepada pemasangan meriam-meriam yang berkaliber dipasang menghala ke sasaran tembakan arah laut (CO 273/549).

Selain itu, pembinaan kerja-kerja pertahanan di Singapura ini telah dilihat dan dirancang secara terperinci dalam memastikan penyusunan persenjataan dapat disesuaikan oleh pihak Pejabat Perang. Susunan pembangunan dan kerja-kerja pertahanan ini telah merangkumi kawasan di sebelah Timur, bahagian Tengah dan di sebelah Barat. Sehingga tahun 1927, antara senjata mudah gerak yang telah dipasangkan di Pulau Singapura terdiri daripada meriam katak dan mortar yang masing-masing berukuran 6 inci serta Meriam 18 pounds. Peranan senjata mudah gerak ini diperlukan sebagai mempertahankan pendaratan pihak musuh. Di samping itu, senjata ini turut berfungsi sebagai senjata pertahanan sampingan bagi melindungi keselamatan dalam negeri atau menghadapi serangan hendap oleh pihak musuh. Tambahan lagi, Meriam berukuran 3.7 inci turut digunakan dalam situasi berkenaan. Persenjataan meriam ini telah memudahkan anggota tentera untuk mengendalikan senjata ini kerana mudah dibawa bersama dengan kenderaan. Bukan itu sahaja, meriam ini turut berupaya dalam menangkis kemaraan kapal musuh (CO273/538).

Pembangunan pertahanan telah dibahagikan kepada dua bentuk bahagian pertahanan. Ini telah memperlihatkan bahawa penglibatan persenjataan seperti *Medium, Light and Anti-Aircraft Defences* dan *Heavy Defences*. Pembangunan dengan kelengkapan persenjataan yang disesuaikan telah dilihat dengan terperinci bagi mengelakkan pembaziran dalam skim tersebut. Pelan pembangunan pertahanan ini telah dirancang khas oleh *Overseas Defence Committee* pada April 1924 dan telah memutuskan persenjataan tersebut perlu dipasang seperti yang berikut:

JADUAL 1. Jumlah dan saiz kelengkapan persenjataan bagi pembangunan pertahanan pangkalan tentera laut

Saiz	9.2 inci	4.7 inci	2 pr poms-poms	6 inci	Lights
Bilangan	6	2	18	12	14

Sumber: CO 273/534: CID kepada Pejabat Perang (1926)

Seterusnya, Jawatankuasa Perkhidmatan Pertempuran telah memutuskan bagi mengesyorkan kepada kabinet dalam pengubahsuaian yang drastik kepada pembangunan pertahanan dan program pembangunan pangkalan tentera laut. Antaranya adalah dengan melengkapkan pembangunan bagi keperluan pengoperasian tentera laut dengan memperuntukan sebanyak 3 *Cruisers*, 1 *Flotilla Leader*, 8 *Destroyers*, *Submarines*, *Netlayer and Target Towing Vessel* dan 6 *Sloops*. Penyediaan keperluan kepada armada ini jelas menunjukkan pembangunan armada laut dan udara sentiasa mencukupi. Hal ini

kerana bagi mengekalkan kekuatan tentera laut dan pertahanan udara British di Singapura setanding dengan kuasa lain (CAB 23/63/4, 1929).

4.2 Pangkalan Tentera Laut Singapura

4.2.1 Fasilitas Pertahanan Pangkalan Tentera Laut

Sebagai sebuah Pangkalan Tentera Laut yang berada di pusat perdagangan ataupun di kawasan bandar utama. Pangkalan Tentera Laut yang beroperasi memerlukan pelbagai fasiliti dan infrastruktur serta meningkatkan lagi kemudahan sedia ada. Hal ini bagi memperkukuhkan lagi sistem pertahanan laut di Pangkalan Tentera Laut dan memberi kemudahan pengoperasian tentera laut. Pembinaan Pangkalan Tentera Laut yang moden ini telah membantu menampung sebuah armada laut yang lengkap terhadap tentera laut termasuklah kemudahan membaiki kapal perang yang besar dan pemasangan bahan api kegunaan kapal perang tentera laut. Keperluan penyediaan infrastruktur dan fasiliti ini bagi melihat bagaimana pangkalan tentera laut beroperasi dengan melancarkan serangan dalam sesebuah ancaman keselamatan Singapura. Pangkalan Tentera Laut Singapura ini turut dilengkapi dengan pelbagai infrastruktur dan fasiliti lain di kawasan pangkalan. Pembinaan seperti dok-dok terapung yang moden, pemasangan bahan api, rumah-rumah pegawai dan anggota tentera laut British yang membantu menyokong kesiapsiagaan Angkatan Laut British di Singapura. Kelengkapan sistem pertahanan dibangunkan telah menunjukkan kelancaran bagi mempertahankan kubu pangkalan laut tersebut (Nadzan Haron, 1996).

Secara rasmi telah menyatakan bahawa pemerolehan Dermaga Tanjong Pagar oleh kerajaan merupakan sebahagian daripada skim pertahanan Imperial. Jelas menunjukkan bahawa skim pertahanan merangkumi penubuhan pangkalan tentera laut yang mempunyai pelbagai fasiliti dan kemudahan utama di pangkalan. Bagi meningkatkan tahap kecekapan pengoperasian Tentera Laut Diraja British di Pangkalan Tentera Laut Singapura, infrastruktur utama memainkan peranan penting dalam memastikan pangkalan berada di tahap yang berkesan dengan berdasarkan sebahagian daripada perjanjian Anglo-Jepun mengenai perlindungan bersama. Oleh hal yang demikian, Setiausaha Rendah Udara telah menyatakan bahawa sebanyak \$280,000 telah dibelanjakan bagi pangkalan tentera laut dan udara di Singapura. Tambahan lagi, pangkalan tentera laut di Singapura turut menelan belanja sejumlah \$300, 000 bagi menyiapkan kemudahan-kemudahan di pangkalan tentera laut. Ini bertujuan bagi pertahanan tempatan yang menunjukkan kepentingan kawasan Singapura (Eastern Daily Mail and Straits Advertiser, 1905).

Selain daripada itu, pembangunan kemudahan fasiliti dan infrastruktur yang dibina juga bertujuan bagi penyenggaraan komunikasi udara British di Timur Jauh dan perdagangan pantai. Antara lain fasiliti yang melancarkan pengoperasian tentera laut di pangkalan adalah seperti pembaikan peralatan unit udara yang telah diperuntukan kepada angkatan laut di perairan tersebut. Hal ini kerana kekuatan tentera laut udara yang biasanya dibekalkan di Singapura akan dijadikan sebagai skuadron mesin darat dan sebuah skudaron bot terbang (The Straits Times, 1929). Pangkalan tentera laut juga dilengkapi dengan pembinaan *Aerodrome Station* dan pesawat laut bagi tujuan pengukuhan aspek pertahanan sekitar armada laut Singapura (CO 273/524). Dengan pembangunan pelbagai fasiliti terhadap pangkalan tentera laut British di Singapura telah

menunjukkan sebuah bentuk kepentingan kepada pertahanan dan sebuah pangkalan termoden British di Timur Tengah.

Keseluruhan fasiliti asas yang telah dibina di pangkalan tentera laut telah dibahagikan kepada lima kategori utama dalam penyediaan kemudahan tersebut. Antaranya adalah kedai-kedai, kawasan pembaikan kapal-kapal, kawasan rekreasi, kemudahan klinik perubatan bagi markas perintah dan tembok laut yang besar. Fasiliti yang menunjukkan kepentingan terhadap infrastruktur pangkalan turut disediakan termasuklah dermaga yang besar bagi menampung beberapa kapal perang pada masa yang sama mereka boleh menambah beberapa kapal perang yang baharu. Selain daripada itu, stor-stor yang luas turut dibina bagi kemudahan penyimpanan kelengkapan persenjataan dan bekalan bagi pihak tentera laut. Pemasangan dan pembinaan bahan api ataupun kemudahan penyimpanan minyak untuk kegunaan tentera laut telah dibina sebagai kemudahan yang paling penting sepanjang pelaksanaan pengoperasian tentera laut (The Straits Times, 1940). Dengan ini, sebuah pangkalan tentera laut yang moden perlulah hampir sepenuhnya dengan serba kelengkapan bagi menentukan sebuah pangkalan berada di tahap yang terbaik pada masa itu. Sumbangan sebanyak \$2,000,000 dengan ansuran dalam 5 tahun adalah dengan bertujuan pertahanan di Singapura. Dalam pada itu, sumbangan ini turut memberi kemudahan dalam membangunkan kawasan perlindungan bagi kapal-kapal perang di Pangkalan Tentera Laut British di Singapura (Sel. Sec. 1957/0242647).

Dalam pada itu, depoh persenjataan telah dibina bagi bertujuan sebahagian daripada kemudahan stor. Depoh persenjataan ini telah memberi kemudahan terhadap penyimpanan semua jenis peluru-peluru keperluan persenjataan tentera laut dan termasuklah bom torpedo tentera laut. Infrastruktur ini dibina pada reka bentuk moden dengan tujuan bagi bertahan daripada terkena serangan langsung oleh bom berat ke atas depoh. Fasiliti depoh persenjataan turut memudahkan penyimpanan bekalan peluru kegunaan senjata berat yang sebahagian daripada persenjataan kapal iaitu persenjataan seperti meriam 15 inci. Oleh hal yang demikian, jelas dilihat pihak British mengambil penting terhadap pembinaan depoh ini untuk melengkapkan kemudahan sesebuah pangkalan laut (The Straits Times, 1940). Tambahan lagi, kemudahan seperti jalan keretapi sepanjang 17 batu turut dibina bagi memudahkan pentadbiran tentera laut British dan mempunyai sejumlah besar kren, enjin, trak dan kenderaan bermotor di kawasan pangkalan tentera laut pada masa itu.

4.2.2 Pembangunan Fasiliti dan Infrastruktur Pangkalan Tentera Laut

Pangkalan tentera laut British di Singapura telah dibangunkan dengan sebuah kemudahan kesihatan. Fasiliti kesihatan ini telah merangkumi pelbagai kemudahan bagi memudahkan anggota dan pegawai tentera laut British menerima rawatan lanjut. Hospital Alexandra Tentera Laut British merupakan sebuah hospital yang telah dibangunkan di kawasan pangkalan tentera laut Singapura ketika itu. Hospital ini telah dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan rawatan seperti wad kecemasan, perkhidmatan perubatan, pembedahan, obstetrik dan pesakit luar bagi memenuhi keperluan asas di pangkalan tentera laut. Hospital tentera laut British ini turut mempunyai wad-wad dari pelbagai bahagian dan menyediakan sebanyak 400 katil untuk menampung pesakit luar jika berkeperluan (New Nation, 1971)

Selain itu, Hospital Tentera Laut British merupakan antara sebuah hospital mempunyai kemudahan moden yang serba lengkap di Singapura. Antara kemudahan-kemudahan moden dilengkapi taraf kemodenan itu adalah hospital mempunyai kemudahan rawatan yang berteknologi tinggi pada masa tersebut. Hospital dilengkapi dengan fasiliti makmal diagnostik radio isotop yang mempunyai teknologi tinggi. Kemudahan ini telah mempercepatkan sesuatu rawatan dan perubatan pada tahap tertentu. Malah, hospital tentera laut ketika itu turut menerima candangan fasiliti rawatan seperti wad kanak-kanak. Dimana cadangan tersebut diusulkan oleh Jawatankuasa Pengkhususan Perubatan dalam sebuah laporan. Kemudahan kesihatan yang telah dibangunkan oleh Tentera Laut British telah membuktikan sebagai sebuah pangkalan tentera laut yang besar dan moden bagi mengukuhkan armada laut di Singapura. Ini telah memperlihatkan sebuah pusat kesihatan yang memberi kemudahan kepada tentera laut dan masyarakat setempat.

Pembangunan kesihatan seperti kemudahan hospital tentera di pangkalan tentera laut Singapura ini turut dibuktikan sebagai sebuah hospital daerah. Oleh hal yang demikian, hospital ini telah berfungsi dengan memberikan rawatan perkhidmatan kepada masyarakat setempat. Hospital Alexandra Tentera Laut British telah diambil alih oleh kerajaan pada pertengahan tahun 1971. Kenyataan hospital yang telah diambil oleh kerajaan Singapura pada ketika itu telah diutarakan menerusi Persatuan Perubatan Singapura. Hospital tentera tersebut diserahkan kepada Kementerian Kesihatan pada bulan Ogos 1971 dan telah dinamakan semula sebagai Alexandra Road General Hospital. Walaubagaimanapun, hospital ini terus menjadi hak milik tentera laut British dan hanya menyerahkan tugas-tugas perkhidmatan rawatan harian (New Nation, 1971).

Hospital tentera tersebut telah dilengkapi dengan peralatan moden dan telah merangkumi semua idea pembinaan hospital paling moden. Antara peralatan moden yang disediakan adalah bilik X-Ray berhawa dingin. Hospital tentera ini telah merangkumi ciri-ciri hospital yang mempunyai dua dewan bedah yang terkini dan bilik bedah semuanya berhawa dingin. Peralatan moden di hospital tentera ini telah membangunkan sebuah jabatan rawatan khas iaitu jabatan elektrousurutan dan rawatan sakit telinga, hidung tekak dan mata serta wad khas bagi rawatan pesakit *tuberculosis*. Selain itu, kemudahan moden yang telah disediakan di hospital moden ini telah dibuktikan dengan pembinaan saluran anti-nyamuk khas tertentu. Pembinaan kemudahan ini telah menelan belanja sebanyak \$20.000 dan telah melebihi radius setengah batu hospital tentera ini. Pembinaan saluran anti-nyamuk khas ini telah diluluskan oleh Pesuruhjaya Perbandaran dan telah tertakluk kepada sumbangan pihak berkuasa tentera sebanyak \$7,200 (The Straits Times, 1938). Dengan pembangunan yang serba lengkap yang terdapat di hospital tentera ini. Kawasan Pangkalan Tentera Laut Singapura ini telah menjadi titik penolak kepada sebuah pangkalan laut yang mempunyai pelbagai akses perkhidmatan.

Depoh bahan api minyak jelas merupakan tambahan yang sangat diperlukan bagi pangkalan tentera laut British di Singapura pada ketika itu. Beberapa ratus ekar telah dikhaskan bagi tangki minyak dan stesen minyak di kawasan pangkalan tentera laut tersebut. Depoh stesen minyak ini merupakan satu keperluan penting bagi logistik tentera laut di pangkalan kerana sebuah kapal yang berlabuh di tepi dermaga boleh mengambil minyak sebagai bekalan di atas kapal. Depoh stesen minyak ini turut membekalkan tangki minyak kepada kapal bagi keperluan mengisi minyak kapal tentera laut. Oleh hal yang

demikian, keperluan Tentera Laut British yang telah menyediakan kemudahan depoh minyak ini telah menjadikan Singapura sebagai sebuah pusat pengedaran minyak yang hebat di dunia pada ketika itu walaupun tiada minyak terdapat di semenanjung Tanah Melayu (CO 273/525).

Pangkalan tentera laut di Singapura telah mempunyai 16 tangki minyak di setiap depoh bekalan minyak. Ini telah menunjukkan tanggungjawab pangkalan tentera laut Singapura sebagai stesen mengisi minyak yang memerlukan kuantiti minyak sejumlah yang banyak. Ini kerana dapat memenuhi keperluan kapal perang British sebagai pembekal bakar minyak dalam kuantiti yang banyak (The Straits Budget, 1936) Pada awalnya, pangkalan tentera laut telah menerima kemudahan 15 tangki minyak bahan api yang dibawa daripada Teluk China pada peringkat pertama. Jumlah kapasiti minyak setiap satu mempunyai 12,000 tan bagi jumlah penyimpanan minyak. Penyediaan tangki minyak di depoh bekalan minyak bukan sahaja keperluan kapal tentera laut. Malah keperluan bagi masa hadapan iaitu penyediaan garrison bateri yang memperuntukan sebanyak 25 tangki minyak di dua batu pedalaman dari kedudukan pangkalan laut. Simpanan minyak oleh tentera laut ketika itu dapat direkodkan setakat 552,000 tan di pulau itu (The Singapore Free Press, 1926). Ini telah membuktikan bahawa pangkalan tentera laut Singapura sebuah pangkalan mempunyai depoh minyak terbesar.

Depoh bekalan bahan api minyak kegunaan tentera laut ini turut dibangunkan di kawasan kompleks tentera Pasir Panjang. Kemudahan depoh bahan api itu mempunyai 15 tangki seberat 12,000 tan setiap satu. Dengan sebuah gabungan kapasiti penyimpanan 180,000 tan bagi bekalan minyak tersebut. Kompleks tentera Pasir Panjang ini mempunyai kemudahan lain seperti garaj, stor dengan keluasan bangunan dan pejabat pemerhati depoh bekalan bahan api. Kemudahan depoh di kompleks ini telah membuktikan sebagai sebuah depoh yang mempercepatkan kadar aliran minyak dari kawasan pelabuhan dilengkapi dengan stesen pam. Tambahan lagi, pemasangan tangki minyak di depoh bahan api ini bertujuan penyimpanan rizab bagi minyak kapal bersaiz sederhana (The Straits Times, 1971). Kemudahan-kemudahan yang telah dibangunkan ketika itu telah berkembang secara penting dengan kedatangan kapal-kapal perang tentera laut yang berlabuh. Bukan itu sahaja, bekalan minyak di setiap depoh dibangunkan tersebut turut digunakan kepada kapal-kapal awam seperti kapal kontena besar dan kapal kombo dengan keperluan bahan api yang besar. Hal ini kerana keperluan bahan api yang besar untuk laluan jarak jauh dan telah menjadikan Singapura sebagai bekalan minyak terbesar di dunia pada ketika itu (CO 273/526).

4.3 Perbincangan

Kajian mendapati bahawa pembangunan dibangunkan oleh pihak British adalah bertujuan bagi kepentingan pentadbiran dan ekonomi mereka. Dengan itu, kewujudan Pangkalan Tentera laut di Singapura ini telah memberi satu impak kepada bentuk pertahanan di perairan laut Singapura. Pembangunan selaras dengan keperluan tentera laut telah membawa kepada penyediaan fasiliti di pangkalan tentera laut bagi meningkatkan lagi pengoperasian Angkatan Tentera Laut British. Kemudahan-kemudahan yang telah dibina termasuklah hospital merupakan pembangunan bukan sahaja kepada bentuk pertahanan malah kepada pembangunan setempat. Depoh minyak dan kelengkapan sistem persenjataan turut memainkan peranan penting yang telah disediakan bagi meningkatkan

lagi sistem pertahanan di pangkalan tentera laut. Dengan pembinaan pelbagai pembangunan seperti fasiliti yang telah dibangunkan di pangkalan tentera laut di Singapura telah diiktiraf sebagai sebuah pangkalan yang moden yang memberi kesan sehingga hari ini.

5. Rumusan dan Cadangan

Kemunculan Singapura sebagai sebuah kuasa yang mempunyai pangkalan tentera laut besar dan moden adalah selari dengan keupayaannya sebagai pusat perdagangan British di Timur. Kolonial British dengan bantuan pihak Imperial telah menerima segala tawaran pembangunan pertahanan bagi melindungi dan sentiasa menjaga kemakmuran di perairan Pulau Singapura. Pembangunan dan peningkatan kemudahan infrastruktur telah menyebabkan Singapura mempunyai taraf hidup yang standard terhadap masyarakat setempat. Pembinaan pangkalan tentera laut yang moden bukan sahaja memberi fokus kepada pertahanan sahaja malah telah membuktikan keupayaan kolonial British dalam memberi akses kemudahan yang tinggi terhadap Tentera Laut dan masyarakat setempat.

Kajian ini dilaksanakan sebagai nilai tambah dan memenuhi lompong kajian sejarah pembangunan pertahanan dan sosial terutamanya pembangunan melibatkan pertahanan era kolonial setelah Perang Dunia Pertama sehingga Perang Dunia Kedua yang jarang diberi perhatian oleh penulis-penulis tempatan dan dalam historiografi Tanah Melayu.

Rujukan

- Anon, British Hospital Check, *New Nation*, 24 Mac 1971, hlm. 3.
Anon, Imperial Defence Scheme, *Eastern Daily Mail and Straits Advertiser*, 26 September 1905, hlm. 3.
Anon, *Singapore Free Press*, 29 Disember 1864, hlm 6.
Anon, New military Hospital Now Open, *The Straits times*, 28 Julai 1940, hlm 6.
Anon, Shipping Notes, *The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser (1884-1942)*, 14 Mei 1926, hlm 12.
New Use for old naval fuel depot, *The Straits Times*, 8 september 1971, hlm 13
C.O 273/545. (1923). Singapore Base. 21 Oktober 1923 (PTSL MF 389 Gul.545).
CO 273/524. (1923). Proposed Naval Base and Aerodrome: Admiralty kepada Secretariat. Pejabat Kolonial. 26 Mei 1923 (PTSL MF 389 Gul. 524).
CO 273/549. (1928). Singapore Base, Report Singapore Sub-Committee of The Chief of State Sub-Committee, 24 Mac 1928 (PTSL MF 389 Gul. 549).
CO273/538. (1927). Singapore Naval Base, Committee of Imperial Defence (C.I.D Paper No. 304-C) 6 Mei 1927 (PTSL MF 389 Gul. 538).
CO 273/525. (1922). The Singapore Harbour Board, Straits Settlement, Fuel Oil. 4 Februari 1922 (PTSL MF 389 Gul. 525).
CO 273/526. (1924). Acquisition of land Mount Fiber, Singapore connection with naval oil fuel Installation. 21 September 1924 (PTSL MF 389 Gul 526).
CAB 23/63/4. (1929). Singapore Base. Malay States Contribution. Public Record Office.

- David McIntyre. (1979). *The Rise and Fall of the Singapore Naval Base 1919-1942*. London: Macmillan Press.
- Gillan R Topley. (2000). *British Naval Policy in the 1920*. Department of History: Adelaide University.
- Hanizah Idris. (2020). *Pembinaan Pelabuhan Laut dalam di Singapura di bawah pentadbiran Singapore Harbour Board 1913-1929*. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 47(1): 24-29.
- Larry L. Peterson. (1980). *Singapore as An Alternative to Subic Bay Naval Station*. Air University: Department of the Air Force. 1986.
- M. Chew. (1998). *Of Hearts and Minds: The Story of Sembawang Shipyard*. Singapore: University of Michigan.
- Nadzan Haron. (1996). Malaya dalam Sistem Pertahanan Imperial British sebelum dan Selepas Perang Dunia Kedua. *Jurnal Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* (24)125-136.
- Russel Grenfell. (1987). *Main Fleet to Singapore*. Singapore Oxford New York: Oxford University PRESS.
- Sel. Sec. 4022/1926. Telegram from S of S Application of the Contribution by the F.M.S of \$2,000,000 towards the construction of the Singapore Naval Base. 1926. (ANM 1957/0242647).
- Tristan Buesset. (1932). The Naval Base at Singapore. *Pacific Affairs*. University of British Columbia. Vol 5.
- Turnbull. (1989). *A History of Singapore 1819-1988*. Singapore: Oxford University Press.